

PEMERDAGANGAN orang, isu yang sangat sensitif kerana melibatkan hubungan diplomatik di antara negara terlibat juga membabitkan hal keselamatan negara. Ada tiga kategori pemerdagangan di Malaysia: pertama rakyat asing yang didagangkan di Malaysia. Kedua, rakyat Malaysia yang didagangkan di Malaysia. Dan, ketiga rakyat Malaysia yang didagangkan di luar negara.

Dalam aspek perlindungan mangsa ini, pelbagai usaha dilakukan

oleh kerajaan Malaysia. Antaranya, kerajaan telah memperbaiki pelaksanaan peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan dengan meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 pada tahun 2015 di mana keutamaan telah diberikan berkaitan kebenaran bekerja dan bergerak bebas kepada mangsa pemerdagangan orang. Ini adalah bagi memperbaiki usaha negara dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang pada masa hadapan.

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) juga telah menambah baik aspek perlindungan mangsa pemerdagangan. Usaha itu dijalankan melalui kolaborasi strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam pelaksanaan program kepada mangsa termasuk penyediaan Rumah Perlindungan (RP) kepada mangsa.

Selain, kerajaan juga menyambut baik usaha dan penglibatan NGO dalam aspek perlindungan mangsa

Pemerdagangan Manusia Masih Kronik

MANA PERGI NGO ISLAM?



pemerdagangan dengan melantik 12 orang individu daripada beberapa NGO sebagai pegawai pelindung (PO) bagi melindungi mangsa.

Kerajaan juga telah menyediakan Rumah Perlindungan (RP) di mana terdapat sebanyak enam buah RP yang telah diwartakan dan diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).


KPWKM merupakan agensi peneraju kepada Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang di bawah MAPO.

Sementara itu Rumah Perlindungan yang disokong oleh NGO pula ditadbir oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan dibantu sepenuhnya oleh NGO yang dilantik. Setakat ini hanya terdapat dua badan NGO sahaja yang mempunyai RP iaitu

Tenaganita dan The Good Shepherd.

Mangsa yang diselamatkan akan ditempatkan selama tiga bulan di rumah perlindungan, namun ada juga kes mangsa ditempatkan lebih lama. Mereka diberi kaunseling serta perkhidmatan lain termasuk berkaitan pemulihan, penghantaran pulang ke negara asal dan usaha mengintegrasikan semula mangsa ke dalam masyarakat.

Bagi menyelesaikan isu pemerdagangan orang, baru-baru ini kerajaan telah menzahirkan komitmen yang tinggi untuk membantut mangsa pemerdagangan dengan menyediakan geran untuk disalurkan kepada NGO yang



Berbeza dengan mangsa rogol nama mereka masih lagi baik kerana hanya menjadi mangsa keadaan, tetapi bagi orang yang diperdagangkan untuk dijadikan pelacur mereka ini dipandang hina. Masyarakat tidak ada belas kasihan terhadap mereka disebabkan status pelacur itu.



Azizah Anuar

bersedia menguruskan rumah perlindungan mangsa. Namun begitu agak menghampakan kerana tiada satu NGO Islam pun yang menyambut usaha murni kerajaan ini. Yang ada hanyalah NGO bukan Islam. Soalnya, mana perginya NGO-NGO Islam ini?

Menyentuh persoalan itu Pengerusi Persatuan Keluarga Harapan Anda, Zuhud Anda 1 Amanah (My KHAZAA), Azizah Anuar, berkata, isu itulah yang sedang menjadi kerisauannya. Tanpa NGO Islam yang mempunyai RP untuk mangsa pemerdagangan orang yang kebanyakan adalah Islam adalah tentang akidah. Apa akan jadi dengan akidah orang Islam jika mangsa beragama Islam diletakkan di RP yang dikawal selia oleh orang bukan Islam?

Menurutnya, isu yang ingin difokuskan di sini adalah tentang mangsa yang melibatkan rakyat Malaysia terutamanya anak-anak Melayu Islam. Biasanya, mangsa yang

diselamatkan akan diletakkan di bawah jagaan RP kerajaan atau NGO mengikut keseriusan atau kekosongan tempat di RP. Tapi majoritinya, akan dihantar pulang ke rumah keluarga masing-masing sama ada telah disabitkan kes di mahkamah atau belum.

"Kita harus ingat mangsa yang diperdagangkan ini traumanya lain. Situasi mereka ini jauh berbeza berbanding mangsa-mangsa penindasan yang lain. Penderitaan yang dialami oleh mereka jauh lebih buruk. Malunya lebih tinggi lebih-lah lagi apabila didagangkan untuk tujuan seks.

"Berbeza dengan mangsa rogol nama mereka masih lagi baik kerana hanya menjadi mangsa keadaan, tetapi bagi orang yang diperdagangkan untuk dijadikan pelacur mereka ini dipandang hina. Masyarakat tidak ada belas kasihan terhadap mereka disebabkan status pelacur itu," jelasnya.

Apa Jadi Sekiranya Dihantar Pulang?

Bayangkanlah dalam keadaan jiwa mereka yang rapuh dan mudah

hilang pertimbangan apa akan terjadi sekiranya mereka terpaksa berdepan dengan tanggapan masyarakat yang memandang jijik? Ada kemungkinan mereka akan kembali terjebak ke lembah pelacuran sama ada secara paksa atau sukarela. Keselamatan juga mungkin boleh terancam disebabkan tiada perlindungan dan kawalan yang ketat. Malah lebih memburukkan lagi keadaan sekiranya hamil, apa akan terjadi kepada anak-anak yang akan lahir nanti?

Walaupun kerajaan memantau dan menghantar kaunselor untuk memberikan sesi kaunseling serta khidmat nasihat tetapi itu belum memadai. Jadi, di sinilah perlunya peranan NGO dalam membantu mangsa-mangsa ini. Dalam hal ini hanya dua NGO sahaja yang sangat komited menghulurkan bantuan dengan menyediakan RP kepada mangsa, Tenaganita dan The Good Shepherd. Kedua-duanya NGO bukan Islam.

Katanya, bukanlah kita ingin meniadakan usaha murni pihak-pihak terbabit. Ia adalah satu

tindakan yang sangat terpuji kerana menolong mangsa yang di dalam kesusahan. Cuma, kita bimbang apabila mangsa-mangsa ini ditempatkan di RP mereka ada kemungkinan sedikit sebanyak akidah mereka akan terjejas.

Jadi Mana Perginya NGO Islam?

Menurut Azizah, NGO Islam ada rumah pemulihan akhlak, rumah perlindungan anak-anak yatim tapi belum ada satu pun rumah perlindungan untuk membantu mangsa yang terlibat dalam pemerdagangan orang.

"Saya pernah membawa beberapa NGO ke taklimat mengenai pemerdagangan manusia dan penyelesaiannya oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan (MAPO) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Pada taklimat tersebut turut ditawarkan geran kepada mana-mana NGO yang layak atau berminat untuk menyediakan RP. Namun tiada satu NGO Islam pun yang sudi menawarkan diri mengambil geran tersebut. Yang ada hanya dua NGO sahaja iaitu Tenaganita dan The Good Shepherd," luahnya sambil melahirkan rasa kecewa.

Peranan Sebagai Individu Islam

Sebenarnya banyak peranan yang boleh dilakukan oleh orang Islam sama ada secara perseorangan atau berkumpul dalam menangani

isu pemerdagangan orang. Soalnya hendak ataupun tidak sahaja.

"Di My KHAZAA kami tiada rumah perlindungan untuk menempatkan mangsa pemerdagangan. Kami juga tidak ada pengalaman untuk menguruskannya. Namun sebagai pengerusi saya mengambil inisiatif dengan menawarkan diri untuk menjadi pegawai pelindung (PO) untuk membantu mangsa-mangsa ini.

"Setakat ini hanya ada 12 individu yang dilantik oleh kerajaan sebagai PO. Mereka yang dilantik diamanahkan membuat penilaian ke atas mangsa untuk mengetahui sama ada betul atau pun tidak mereka mangsa pemerdagangan orang. Jika sahlah barulah mereka diletakkan di bawah jagaan RP sama ada kerajaan atau NGO," tegasnya.

Di samping itu, tanggungjawab PO juga membantu menyediakan laporan dan mencari orang untuk ditugaskan mengajar kemahiran dan kaunselor memberikan khidmat nasihat serta sesi kaunseling. Selain, menganjurkan program keagamaan untuk memulihkan rohani dan spiritual mangsa.

Kembali kepada persoalan mengenai mangsa yang terdiri daripada anak Melayu Islam yang diletakkan di bawah RP yang dikawal selia oleh bukan Islam adakah akan terjamin akidah mereka?

Berhubung perkara itu, Azizah menjelaskan bahawa PO yang dilantik ada menekankan hal akidah dalam mesyuarat agar apabila melibatkan mangsa dari kalangan orang Islam seboleh-bolehnya diletakkan di RP bawah seliaan kerajaan. Kecuali apabila tidak ada tempat, dan sekiranya pihak The

Good Shepherd hendak mengambil mereka perlulah meminta kebenaran daripada PO dahulu.

Tambahnya, PO akan cuba yang termampu membantu menyelia mereka supaya akidahnya terjaga. Dalam hal ini mereka telah bersetuju tetapi soalnya sejauh mana kami mampu menyelia?

"Kita bersikap marah apabila orang yang tidak mengenal Allah

memakai nama Allah. Tapi kita sendiri tidak cuba hendak menghalang orang yang telah mengenal Allah semenjak lahir membuang Allah dari kehidupan mereka.

"Ini adalah satu isu yang perlu kita semua ambil perhatian dan cuba selesaikannya bersama. Jadi di sini saya ingin menyarankan sebagai orang Islam kita perlu bersatu

padu dan berganding bahu untuk menangannya.

"Bayangkan jika kita ada berpuh atau beratus NGO Islam dan masing-masing boleh mendapatkan dana. Kita pakat-pakat membuat satu konsortium kemudian membina rumah perlindungan untuk mangsa-mangsa ini, dengan izin Allah masalah ini boleh diatasi," ujarnya. **A**

INILAH WONDER WOMAN VERSI MALAYSIA

NORASIAH Hasan, 62, merantau jauh dari tanah kelahirannya kira-kira 34 tahun lalu. Pergiannya adalah demi mengikut suami, seorang warga Australia yang bertugas dalam Angkatan Tentera Udara Australia. Di negara orang, dia aktif dalam pertubuhan isteri-isteri tentera di negara asing namun bukan asing baginya untuk menghulurkan bantuan dalam bentuk sokongan emosi kepada isteri-isteri tentera yang ditinggalkan dan bermasalah. Begitulah perjalanan hidupnya yang sentiasa berbakti tanpa mengenal jemu.

Sehinggalah kira-kira enam tahun lalu, satu panggilan daripada pihak berkuasa Australia memintanya untuk membantu seorang remaja perempuan Melayu dari Malaysia berumur 14 tahun yang ditahan oleh pihak imigresen kerana tiada memiliki dokumen perjalanan yang sah. Bermulalah satu lembaran baru dalam diari seorang perantau. Sejak itu dia menjadi sangat komited membantu mangsa pemerdagangan orang di Australia.

Kes pertama yang dirujuk kepadanya melibatkan tiga orang adik-beradik dari Malaysia. Sewaktu ditangkap pihak berkuasa telah membuat pemeriksaan dan mendapati remaja itu sedang hamil. Kasihan dengan nasib malang yang menimpa gadis itu, Norasiah menawarkan diri untuk membantu dan mengendalikan kesnya.

"Setelah saya selidiki kesnya serta latar belakangnya, rupa-rupanya gadis tersebut telah dijual oleh bapa tifinya untuk menjelaskan hutang dengan lintah darat. Lebih memmeranjatkan lagi, bukan dia seorang sahaja yang dijual malah abangnya yang berusia 17 tahun serta kakaknya yang berusia 15 tahun pun turut sama dijual.

"Ketiga-tiga beradik itu kemudiannya dibawa ke Australia oleh sindiket untuk bekerja di ladang. Apa yang menyedihkan, mereka telah dipaksa bekerja tanpa mendapat upah. Semua gaji mereka diambil oleh sindiket yang membawa mereka masuk. Ibaratnya sebagai buruh paksa atau dalam bahasa kasarnya hamba.

"Ladang-ladang di Australia terdapat pelbagai jenis orang dan berbagai-bagai jenis bangsa yang bekerja di situ. Jadi bayangkanlah, apabila kanak-kanak yang masih mentah usianya dan naif ini dipaksa bekerja di situ, macam-macam perkara yang boleh berlaku.

"Mereka terdedah untuk menjadi mangsa dera, diugut, menjadi mangsa



Tawaran bekerja di Australia akhirnya menjerat diri.

rogol dan dijadikan hamba seks. Atau mungkin juga terlanjur berzina kerana pergaulan yang sangat bebas. Malahan turut terdedah kepada pelbagai perkara buruk disebabkan tiadanya sekatan dan kawalan," luahnya.

Untuk membantu gadis itu bukanlah suatu kerja yang mudah. Jabatan Imigresen Australia tidak semudahnya melepaskan gadis itu kepada Norasiah untuk dijaga. Ini kerana kos penjagaannya sangat tinggi disebabkan gadis itu sedang hamil.

Dalam usahanya membantu gadis malang itu pelbagai proses terpaksa dilalui di mahkamah. Seboleh mungkin diusahakan untuk menghalang daripada gadis itu dihantar pulang ke Malaysia. Bimbang, sekiranya dihantar pulang gadis itu tidak akan mendapat perlindungan dan risiko nyawanya terancam.

"Pelbagai cara dan kaedah dilakukan bagi menghalangnya. Namun akhirnya saya berjaya meyakinkan mahkamah supaya gadis tersebut tidak dihantar pulang ke Malaysia. Tapi, masalah lain pula timbul. Sekiranya gadis tersebut ingin diletakkan di bawah jagaan saya, dia perlu melakukan proses pengguguran bayi bagi mengurangkan kos penjagaan.

"Demi mendapatkan hak gadis dan bayi di dalam kandungannya, saya bermati-matian berjuang untuk mereka. Saya buat permohonan *sponsorship* dan memohon kerakyatan untuk kedua-duanya.

"Syukur Alhamdulillah, usaha



Bermula dari ladang memetik buah akhirnya menjadi hamba.

saya akhirnya menemui kejayaan. Malah, kakak gadis itu juga berjaya diselamatkan dan dibantu mendapatkannya taraf kerakyatan. Bahkan kedua-duanya juga dapat menyambung pelajaran mereka di sekolah," kata isteri kepada John Henry Simkin.

Si Abang Juga Dibantu

Walau bagaimanapun, nasib si abang sedikit berbeza. Setelah ditangkap dia diperintahkan untuk dihantar pulang ke Malaysia disebabkan terlebih umur. Memikirkan nasib yang tidak menentu dan bimbang keselamatan, maka Norasiah usahakan juga untuk membawa budak malang itu menetap di Australia. Mujurlah konsulat Malaysia di sana banyak membantu dan ini membuatkan kerja menjadi lebih mudah.

Proses membawanya masuk ke Australia secara sah dengan bantuan pihak konsulat menguruskan passport yang telah tamat tempoh, memudakan segala urusan. Dalam masa yang sama kedutaan Australia di Malaysia juga perlu dihubungi untuk mempercepatkan proses mendapatkan kerakyatan.

"Malah lebih menggembirakan

lagi ibu kepada tiga beradik itu juga turut saya bawa masuk ke Australia berserta permit bekerja dengan alasan untuk menjaga cucunya," katanya.

Secara tidak sengaja, sejarah keluarga bapa tiri yang menganiaya mereka terbongkar. Rupa-rupanya keluarga bapa tiri mereka, juga sudah ada sejarah hitam yang sama. Di mana bapa kepada bapa tiri mereka itu pernah menjual anaknya sendiri, iaitu adik kepada bapa tiri mereka untuk dijadikan buruh paksa di Australia. Jadi, nasib malang yang menimpa ketiga-tiga beradik itu adalah sejarah kembali berulang.

"Malah bapa saudara tiri kepada ketiga-tiga beradik itu juga turut saya bantu untuk prosés penghantaran pulang ke Malaysia," ujar Norasiah

Lain Negara Lain Pendekatannya

Sebenarnya isu pemerdagangan manusia yang melibatkan jenayah kemanusiaan ini adalah isu global yang dihadapi oleh hampir kebanyakan negara di seluruh dunia. Menurut Norasiah, yang juga Pengasas Muslimah Women's Group komuniti masyarakat Muslim di Wilayah Barat Bandar Wyndham dan merangkap ahli jawatankuasa Victorian Immigrant and Refugee Women's Coalition, di Australia pendekatan yang digunakan dalam menangani isu pemerdagangan sangat cekap dan bersistematik. Sistem yang digunakan sangat bagus.

Kerajaan sangat *supportive* dalam menangani isu itu.

Untuk menjadi keluarga angkat kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa pemerdagangan, perlu ada kelulusan akademik dan kelayakan formal. Mereka perlu hadir kursus dan menjalani ujian serta penilaian. Kemudian perlu membentangkan *workplan* tentang cara bagaimana pengurusan anak angkat akan dijalankan. Setelah lulus kesemuanya barulah layak untuk menjadi keluarga angkat.

Rumah yang ingin ditempatkan kanak-kanak itu juga perlu diperiksa dengan teliti terlebih dahulu. Misalnya, berapa keluasan rumah tersebut? Ada berapa buah bilik tidur

di dalamnya? Bilangan penghuni di dalam rumah dan siapa yang sering keluar dan masuk rumah tersebut?

Pemeriksaan bukan hanya terhenti setakat itu sahaja bahkan latar belakang semua penghuni rumah juga turut diperiksa. Misalnya, berapa jumlah pendapatan seluruh isi rumah? Jika ada warga tua di dalam rumah tersebut perlu dipastikan tidak ada masalah berbangkit berkait dengan isu penjagaan. Begitu juga dengan persekolahan anak angkat diambil kira.

"Dan sekiranya remaja itu mempunyai bayi, perlu dipastikan siapakah yang akan menjaga bayinya? Faktor kesihatan diambil kira. Rekod dan latar belakang juga diperiksa

untuk pastikan mereka yang ingin mengambil remaja itu tidak pernah terlibat di dalam sebarang kesalahan dan perlakuan jenayah," jelasnya.

Selain itu, kerajaan akan sentiasa memantau dan remaja itu tidak dibiarkan lepas dengan begitu sahaja. Malah, setiap bulan pihak polis akan melakukan pemeriksaan rutin secara berkala dan mengejut untuk menjamin keselamatan remaja itu serta keluarga angkatnya.

"Kerajaan Australia sangat prihatin tentang kebajikan kanak-kanak mangsa pemerdagangan. Privasi mereka dijaga dengan sangat rapi dan dirahsiakan bagi menjamin keselamatan dan masa depan mereka," ujarnya. **A**

JANGAN CARI SALAH PIHAK LAIN

MEMETIK sebahagian pendapat yang dilontarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia (IRM), Zairulshahfuddin Zainal Abidin, "Pemerdagangan orang dari sudut kaca mata agama Islam adalah satu dosa besar. Merupakan perbuatan yang menyalahi norma kemanusiaan sebabnya Allah telah menjadikan

manusia dengan sebaik-baik kejadian."

Perkara itu dinyatakan oleh Allah sendiri melalui firman-Nya; "*Sesungguhnya manusia dijadikan dengan sebaik-baik kejadian.*"

Sudah dijadikan dengan sebaik-baik kejadian maka setiap manusia ada maruah dan kehormatan diri. Mereka ada *self esteem* dan mempunyai hak sebagaimana yang

telah ditetapkan dalam maqasid syariah ataupun maqasid insaniah yang merupakan tujuan utama kehidupan seseorang insan.

Sebagai insan mereka harus dilayan dengan sebaik-baiknya. Ada hak untuk dilindungi, ada hak untuk kesihatan, ada hak beragama dan ada hak untuk hidup bebas. Bebas di sini bermaksud dalam konteks kerangka Islam.

Jadi secara peribadi, Zairulshahfuddin berpandangan walaupun IRM masih belum meletakkan satu pandangan rasmi tentang isu pemerdagangan orang tetapi telah menjalankan *advocacy* dan kerja-kerja kemanusiaan di peringkat antarabangsa. Malah IRM sangat konsisten dalam membela mangsa yang ditimpa kesusahan dan penindasan termasuklah pemerdagangan orang.



Bukan Sifat Manusia

Menurut Zairulshahfuddin, perbuatan memperdagangkan manusia bukanlah sifat manusia. Sedangkan binatang pun ada perasaan kasih dan sayang apatah lagi kita sebagai manusia. Tidak dapat dibayangkan bagaimana ada pihak tanpa rasa kasihan belas mengambil kesempatan di atas kesusahan orang lain.

“Ekoran dari itu, walaupun IRM belum ada satu kertas rasmi mengenai isu pemerdagangan orang tetapi sebenarnya ramai mangsa bencana yang telah kami bantu termasuklah mangsa pemerdagangan orang secara tidak langsung,” ujarnya.

Sejak tahun 2012 IRM antarabangsa telah membelanjakan hampir belasan juta ringgit untuk operasi membantu mangsa pelarian Syria sewaktu kebanjiran pelarian dari negara tersebut ke Eropah akibat perang saudara. Apabila negara Jerman membuka pintu kepada mereka atas dasar kemanusiaan, maka berbondong-bondong pelarian Syria melarikan diri berlingkungan ke negara tersebut.

Bantuan IRM pada waktu itu, sebaik sahaja mendarat setiap seorang diberikan 50 euro sebagai belanja untuk meneruskan perjalanan. Pasukan IRM yang berpangkalan di Greece, Itali dan United Kingdom turut memberikan sesi kaunseling dan menyediakan makanan serta barangan keperluan. Itulah sumbangan kecil yang dapat dihulurkan kepada mangsa-mangsa pelarian Syria.

“Mungkin tidak nampak mangsa-mangsa itu diperdagangkan, tetapi dalam usaha melarikan diri untuk mencari kehidupan yang lebih elok

mereka terpaksa berdepan dengan risiko mati tenggelam. Malah, mereka juga terdedah untuk menjadi mangsa pemerdagangan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang cuba menangguk di air keruh,” jelasnya.

Jalan Penyelesaian

Zairulshahfuddin menjelaskan, isu ini sebenarnya perlu dilihat pada *root cause* untuk mencari jalan penyelesaiannya. Penyebab sebenarnya mungkin berpunca sama ada negara asal pelarian ini ditimpa oleh *natural disaster* atau *man made disaster*. Apabila berlakunya kedua-dua faktor ini maka berlakulah pelarian.

Dalam situasi terdesak mangsa pelarian ini mencari perlindungan ada pula di tengah-tengahnya pihak yang mengambil kesempatan memperdagangkan mereka. Perkara yang berlaku di tengah-tengah itu adalah di luar kawalan kami sebagai NGO.

Jelasnya lagi, IRM hanya mampu untuk membantu di peringkat hiliran iaitu downstream sedangkan di peringkat atasan iaitu upstream perlu pada pihak yang ada kuasa, iaitu kerajaan secara G to G (kerajaan kepada kerajaan), di antara kerajaan yang menerima pelarian dan kerajaan negara asal pelarian.

Adakah Rumah Perlindungan Jalan Penyelesaian?

Ketika ditanya adakah IRM ada berancang untuk menyediakan Rumah Perlindungan (RP) untuk mangsa

pemerdagangan manusia. Menjelaskan hal tersebut, Zairulshahfuddin berpendapat walaupun IRM adalah NGO kemanusiaan Islam yang terbesar di dunia dan setakat ini telah ramai yang dibantu (kira-kira 110 juta orang) namun begitu, rupa-rupanya di luar sana masih ramai lagi yang berdepan cabaran dan masalah dari pelbagai sudut.

“Sejujurnya, cabaran yang IRM hadapi sangatlah banyak dan sangat luas sehingga kami sendiri tidak menanganinya. Jadi adalah mustahil untuk kami selesaikan semua masalah dunia. Namun bak

kata ilmuwan kalau tidak boleh buat semua jangan tinggalkan semua.

“IRM sememangnya sudah lama mewujudkan RP tetapi khusus untuk pelarian Rohingya. Di Malaysia setakat ini ada seramai 120,000 orang pelarian Rohingya mengikut data Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

dengan 50,000 darinya adalah pemegang kad.

“Mangsa pelarian ini ramai yang tidak tahu untuk menguruskan kehidupan terdedah dengan masalah sosial. Malahan banyak juga kes di mana wanita-wanita pelarian dicercaikan oleh suami atau menjadi mangsa keganasan rumah tangga tidak mendapat hak sebagai pelarian. Jadi dalam hal ini IRM membantu setakat yang terdaya dengan menyediakan RP kepada mereka.

“RP bukanlah solusi jangka panjang yang bersifat lestari. Ia hanya sekadar perlindungan tempoh sementara iaitu selama tiga atau

empat bulan bergantung kepada kes. Dalam tempoh itu mungkin kita boleh menyediakan tempat tinggal dan menyediakan mereka dari segi fizikal dan mental, tetapi what is next?” Zairulshahfuddin berenti dengan persoalan tanpa jawapan.

Tawaran Geran Menyediakan RP

Mengenai tawaran dana daripada kerajaan untuk NGO menyediakan RP kepada mangsa pemerdagangan yang tidak dimanfaatkan oleh NGO-NGO Muslim, ini pandangan Zairulshahfuddin.

“Sebagai orang Islam kita ada tanggungjawab untuk amar makruf dan nahi mungkar. Kita secara individu atau berkumpul atas dasar tuntutan agama dan kemanusiaan.

“Maka sudah berlalulah masanya kita katakan jaga tepi kain masing-masing. *There is no such things as* jaga tepi kain masing-masing.

“Kena ada sikap ambil peduli dan cakna. Kena lihat apa yang boleh kita bantu atau cuba untuk memikirkan sesuatu. Apabila semua orang ada sikap tersebut banyak perkara yang boleh diselesaikan.

“Jom kita jadi *part of solution* bukannya *part of problem!* Jadi marilah kita sama-sama berganding bahu untuk membantu golongan yang dizalimi ini. Dalam Islam inilah yang Nabi s.a.w. tunjukkan iaitu sikap mendahulukan orang lain.

“Kalau kita lihat perjuangan para nabi dan rasul semuanya mementingkan orang lain berbanding diri mereka sendiri demi menyampaikan risalah dan perintah Allah. Mereka sanggup berdepan dengan pelbagai ujian yang getir dan berat untuk kebaikan umat.



“Jadi sebagai orang Islam kita hendaklah mencontohi sikap para nabi dan rasul yang sentiasa mendahulukan orang lain dalam segala perkara. Alangkah cintiknya kalau kita ada memiliki sikap tersebut,” katanya.

Bukan Salah Mereka Membantu

Tentang kegusaran sekiranya NGO bukan Islam yang banyak membantu mangsa-mangsa pemerdagangan akan membuatkan akidah mereka terpesong. Dalam hal itu Zairulshahfuddin berpandangan, kita tidak boleh salahkan mereka. Sebenarnya dunia ini sangat luas, sesiapa sahaja yang proaktif membuat kerja dialah yang akan dapat. Dari kita asyik menyalahkan pihak lain sepatutnya kita sendirilah yang buat kerja-kerja itu.

“Ini sebenarnya adalah tanggungjawab agama yang akan disoal oleh Allah-kelak. Jadi, janganlah buang masa salahkan orang lain tetapi adalah lebih baik lihat dalam diri sendiri.

“Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab kita harus fikirkan apa yang boleh dilakukan. Tidak kisahlah setakat mana yang mampu kita buat. Sama ada dalam konteks perseorangan atau komuniti. Lagi bagus sekiranya kita boleh mendaftar sebagai NGO supaya boleh buat secara tersusun dan bersistem

kemudian barulah boleh memohon dana dari pihak kerajaan.

“Tenaganita misalnya, sangat fokus dan terkedepan dalam membantu menangani isu ini. Mereka membantu sehingga ke advocacy di peringkat antarabangsa dalam isu pembelaan terhadap mangsa pemerdagangan orang. Dan, ada pasukan yang membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Manakala The Good Shepherd pula, ada empat atau lima orang yang fokus melakukan kerja-kerja ini secara sepehuh masa. Mereka juga ada mempunyai dana dan pasukan yang mantap dalam menyelesaikan masalah ini. Itulah kekuatan NGO Kristian yang perlu kita akui.

“Jadi kenapa tidak kita sendiri yang buat. Kita ada kuasa. Kita ada pihak berautoriti. Kita ada institusi Islam seperti masjid, zakat, baitulmal dan sebagainya. Kita ada kombinasi yang mantap dan boleh bekerjasama dengan strategik sekiranya NGO atau individu yang berpengaruh dan cakna serta pihak yang berwajib dapat bersatu menyelesaikan krisis kemanusiaan ini.

“Kita juga harus fikirkan penyelesaian untuk jangka panjang berkenaan masalah ini. Kena pergi kepada *root cause*. Sekiranya ia memerlukan pendekatan politik maklumlah menggunakan pendekatan politik. Kalau boleh kita hentikan terus permasalahan ini,” ujarnya. **A**



Zairulshahfuddin Zainal Abidin